



MENDAFTAR ... Sekitar suasana pendaftaran para pelajar baharu pascasiswazah UMS bagi kemasukan semester 1 sesi 2015/2015. **Net 8-9-2014 3**

677 pelajar pascasiswazah UMS mendaftar kemasukan semester 1 Sesi 2014/2015

KOTA KINABALU: Seramai 677 pelajar pascasiswazah telah mendaftar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kemasukan semester 1 Sesi 2014/2015 baru-baru ini.

Menurut Timbalan Pendaftar Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS) UMS, Aidah Nordin, jumlah tersebut merangkumi 10 pelajar antarabangsa dari Brunei, China, Indonesia, Oman, Pakistan, Filipina dan Arab Saudi.

“Sempena pendaftaran pelajar baharu itu, PPPS juga akan mengadakan Taklimat Universiti dan Kursus Metadologi khusus untuk Pelajar Baharu secara Penyelidikan pada 8 – 11 September 2014 dimana Kursus Metadologi ini wajib dihadiri kerana ia merupakan salah satu keperluan untuk dianugerahkan kelulusan peringkat Doktor Falsafah atau Sar-

jana,” katanya kepada pemberita.

Aidah turut memberitahu, UMS melalui Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada pendaftaran kali ini juga memperkenalkan sistem e-Sticker yang membolehkan permohonan pelekat kenderaan secara atas talian.

“Kelebihan sistem ini ialah memudahkan pergerakan pelajar di dalam kampus semasa pendaftaran berbanding sebelumnya kerana pelekat telah digunakan tanpa perlu menunggu tempoh seminggu seperti tahun-tahun sebelumnya.

“Ini terbukti apabila semasa hari pendaftaran tersebut, kira-kira 245 keping pelekat kenderaan telah dikeluarkan,” katanya sambil merujuk Jawatankuasa Mesyuarat Penyelarasan Pendaftaran

Pelajar Baharu Pascasiswazah yang dipengerusikan Timbalan Dekan (Akademik Dan Antarabangsa) PPPS, Dr. Patricia Matanjun sebagai pencetus idea itu

Aidah menambah, PPPS kerana dapat membantu para pelajar memperjuangkan budaya pembelajaran sepanjang hayat tanpa mengira peringkat umur dan pangkat ke arah meningkatkan ilmu pendidikan dan seterusnya menjadikan universiti ini sebagai pusat kecemerlangan akademik yang bertaraf dunia.

“Pihak PPPS merakamkan jutaan ucapan terima kasih kepada para ibu bapa, keluarga, individu dan organisasi yang memberi bantuan dan sokongan padu kepada pelajar-pelajar ini dalam melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi di UMS,” katanya.